

KETOKOHAN SA'ID NURSI DALAM PENTAFSIRAN BERHUBUNG SUNNAH: KAJIAN TEKS DALAM *RASAIL AL-NUR*

Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: ustazyusryaffandy@gmail.com

Faid bin Zulkifli
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: faidzulkifli95@gmail.com

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini menampilkan analisis ketokohan Sa'id Nursi dalam pentafsiran berhubung Sunnah dalam karya utamanya *Rasail al-Nur*. Karya ini banyak memuatkan dalil-dalil *naqli* terutama ayat al-Quran, kisah teladan dan pengajaran untuk penghayatan masyarakat. Kajian ini penting dalam menganalisis keistimewaan dan kelebihan Sa'id Nursi dalam mentafsirkan ayat al-Quran yang mempunyai kaitan dengan nas Sunnah. Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah terpenting dalam memahami wahyu. Objektif kajian mensasarkan untuk menerangkan latar belakang Said Nursi sebagai tokoh pentafsir al-Quran dan menganalisis pendekatannya dalam pentafsiran berhubung Sunnah. Kajian dijalankan dengan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Menerusi kaedah pengumpulan data, pengkaji mendapatkan data menerusi kaedah kajian kepustakaan bagi mendapatkan beberapa teori dan fakta berasaskan sampel kajian utama iaitu *Rasail al-Nur*, kitab ilmiah, jurnal dan bahan bertulis. Kaedah penganalisisan data pula dijalankan sebagai proses dalam menghuraikan bentuk pentafsiran Sa'id Nursi yang berhubung Sunnah berpandukan kaedah induktif dan kaedah deduktif. Dapatan kajian menunjukkan Sa'id Nursi mempunyai kelimuan dalam memahami Sunnah. Pentafsirannya adalah berasaskan maksud-maksud hadith. Terdapat beberapa aspek kekurangan seperti pendalilan Sunnah secara separa sempurna seperti hadith tanpa *takhrij*, hadith yang *dha'if* dan kurang menampilkan teks hadith. Kajian ini turut mendapati *Rasail al-Nur* dihasilkan berasaskan pemikiran Sa'id Nursi yang cenderung terhadap Sunnah walaupun perbincangan karya ini arah tema kerohanian. Teks atas rujukan Sunnah adalah lebih mendominasi pentafsiran berbanding rujukan kitab Tasawuf.

Kata Kunci: Said Nursi, Pentafsiran, *Rasail Al-Nur*, Sunnah

PENDAHULUAN: KETOKOHAN SA'ID NURSI DALAM *RASAIL AL-NUR*

Sa'id Nursi merupakan sebahagian ulama yang menghasilkan karya tafsiran al-Quran di era moden (Ah. Fawaid, 2015). Karya beliau yang utama ialah *Rasail al-Nur* yang merupakan kumpulan tulisan daripada 130 buah risalah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. (Muhd Najib *et. al.*, 2015). Antara tajuk

risalah ialah *Muhakemat Ebuzzia Matbaasi* (Pembukaan kepada Tafsir al-Quran), *Hutbei-Samiye* (1911-1922), *Isharatul I'jaz Hutuvat-i-Sitte* (1919) *Rumuz* (1923), *Isarat* (1923), *Talikat* (1919), *Munazarat* (1919), *Iki Musibetin Sehadetnamesi* (1919), *Sunuhat* (1922), *Nokta* (1921), *Kizil I'cas* (1923) dan *Tuluat* (1923) (Hanim, 2015). Sa'id Nursi cenderung mendatangkan ayat-ayat al-Quran sebagai landasan huraian. Dalam huraian tentang nas wahyu, teretus beberapa pentafsiran al-Quran mengikut *manhaj* kefahamannya.

Sa'id Nursi juga menggunakan pendekatan *Ishari* dalam sesetengah huraian. Beliau juga membahas ayat al-Quran dengan kaedah penghuraian dari sudut bahasa dan balaghah. Sa'id Nursi turut menggunakan ilmu kalam dengan membandingkan akal dan realiti kehidupan (Nasir & Firdaus, 2018). Kandungan *Rasail al-Nur* terdiri daripada tema perbincangan tauhid, keimanan, ketakwaan, hari kebangkitan, kewujudan manusia dan alam, serta berbagai topik lain dalam bab hubungan manusia dengan Tuhan. 14 jilid *Rasail al-Nur* dipersembahkan dengan gaya bahasa yang ringan dan keterangan yang mudah difahami masyarakat (Parid Ridwanuddin, 2017).

Faktor utama Sa'id Nursi menghasilkan *Rasail al-Nur* adalah untuk membangkitkan kesedaran agama di Turki tentang hakikat kehidupan berpundukan Islam. Kitab ini disusun rentetan kejatuhan Khilafah 'Uthmaniyyah pada tahun 1924. Sistem khilafah telah ditukar menjadi sistem pentadbiran Barat yang memisahkan urusan dunia dengan urusan keagamaan. Banyak idea pemodenan yang bercanggah dengan ajaran Islam (Muhammad Faiz, 2017). Menyedari hakikat ini, Sa'id Nursi berusaha menyebarkan *Risalah al-Nur* ke seluruh pelosok Turki bagi membangkitkan semula kesedaran Islam. Beliau berprinsip bahawa ajaran al-Quran perlu ditanam dalam jiwa manusia ke arah kebangkitan umat (Muhammad & Salasih, 2015).

Said Nursi menganggap *Rasail al-Nur* sebagai wadah yang istimewa dan perlu dimanfaatkan dalam memahami al-Quran. Beliau menyatakan (Said Nursi, 2011):

“Risalah al-Nur adalah penghujahan yang luar biasa dan tafsir yang sangat berharga terhadap al-Quran al-Karim. Ia juga merupakan sebuah kilatan yang memukau dari kemukjizatan maknawi al-Quran, setitis dari samudera al-Quran, secerah cahaya dari suria al-Quran, sebuah hakikat yang terilham dari khazanah ilmu hakikat. Risalah al-Nur juga merupakan terjemahan maknawi yang bersumber dari limpahan makna al-Quran.”

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini dijalankan menerusi dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Menerusi kaedah pengumpulan data, pengkaji mendapatkan data menerusi kaedah kajian kepustakaan bagi mendapatkan beberapa teori dan fakta ketokohan dan data pentafsiran al-Quran berasaskan sampel kajian utama iaitu *Rasail al-Nur* dan beberapa sumber primer yang lain seperti kitab ilmiah dan artikel. Kaedah penganalisan data pula dijalankan sebagai proses dalam menghuraikan bentuk pentafsiran Sa'id Nursi berhubung Sunnah berpandukan kaedah induktif dan kaedah deduktif.

LATAR BELAKANG SA'ID NURSI

Sa'id Nursi amat meminati ilmu pengetahuan. Beliau gemar menghadiri majlis-majlis ilmu dan perdebatan ilmiah (Urkhan, 1995). Amalan ini terhasil menerusi didikan keluarganya yang mementingkan didikan iman dan akhlak. Beliau juga dilatih dengan budaya berfikir seperti persoalan mengenai perihal kehidupan dan kematian. Ketika berumur 9 tahun, Nursi mula merantau mencari ilmu pengetahuan secara lebih serius. Beliau berkelana dari satu madrasah ke madrasah yang lain disebabkan belum ada madrasah yang menawarkan pendidikan yang mencakupi semua bidang ilmu (Mohamad Zaidin, 2001). Antara madrasah yang pernah dihadiri oleh Sa'id Nursi ialah Madrasah Muhammad Amin Afand di Tagh, Madrasah Muhammad Nur di Birmis, Madrasah Muhammad Amin Afandi di Arwas Bitlis, Madrasah Mir Hasan Wali di Muks, Madrasah Muhammad Jalali di Beyazid dan Madrasah Fathullah Afandi di Si'ird (Sukran, 1992). Sa'id Nursi telah menghafal al-Quran, menguasai ilmu fiqh dan ilmu perdebatan. Beliau juga telah menghafal kitab *turath* seperti *al-Muhit* dan *Jami'al-Jawami'* (Wan Jaffree, 2015).

Guru terpenting bagi Sa'id Nursi ialah Mulla Muhammad Celali yang mendidik tentang falsafah *tajdid* dalam sistem pendidikan dunia Islam moden (Sukran, 2007). Ketika menuntut dengan Mulla Muhammad Celali, beliau mampu membaca serta memahami kitab *Jami' al-Jawami'*, *Sharh al-Mawaqif* serta kitab hadith susunan Ibn Hajar (*Ibid.*). Sa'id Nursi pernah menuntut ilmu dengan ulama terkenal iaitu Sheikh Fathullah Afandi yang berjasa melatih pembacaan kitab *Majamat al-Haririyyah*. Sheikh Fathullah Afandi merupakan individu yang mengkalungkan gelaran *Badi' al-Zaman*; "pembaharu zaman" kepada Sa'id Nursi. Sa'id Nursi turut mempunyai kemahiran ilmu dalam bidang sejarah, geografi, matematik, geologi, fizik, kimia, astronomi dan falsafah bertitik tolak kecerdasan yang dimilikinya (*Ibid.*).

Permata Turki ini meninggal dunia pada 23 Mac 1960, hari Rabu bersamaan 24 Ramadan 1379H. Beliau meninggal dunia di Urfa akibat demam panas (Urkhan, 1999). Sa'id Nursi disemadikan selepas Solat Asar di Perkuburan Ulu Jami' (Mohamad Zaidin, 2001).

Pentafsiran Said Nursi Berhubung Sunnah

Sunnah menjadi sumber terpenting dalam pentafsiran muktabar sepanjang zaman (Baiquni, 2018). Sa'id Nursi menjadikan pentafsiran *Rasail al-Nur* mempunyai hubungan dengan Sunnah (Ali Bakkal, 2017). Beliau menghubungkan dengan Sunnah dalam beberapa keadaan seperti perbincangan berikut:

Pentafsiran Dalam Aspek Penderitaan

Ketika membahaskan isu kesakitan, musibah dan kesusahan, Sa'id Nursi menekankan ayat al-Quran berikut (Sa'id Nursi, 2016a):

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

(*Surah al-Baqarah*, ayat 156)

Maksudnya: “Dan Dialah Tuhan yang memberiku makan dan minuman. Apabila aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.”

(Surah al-Shu'ara', ayat 79-

80)

Sa'id Nursi mentafsirkan ayat-ayat ini dengan memasukkan beberapa mafhum hadith. Beliau menyatakan bahawa terzahir menerusi hadith *sahih* bahawa penyakit merupakan penghapus dosa. Beliau mengulas penderitaan ini umpama pohon yang mengugurkan buah-buah yang ranum apabila digoncangkan, maka demikianlah keadaan gugur dosa-dosa daripada pesakit yang beriman. Mafhum hadith ini daripada teks hadith berikut:

Maksudnya: Daripada Abu Sa'id al-Khudri dan Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. bersabda: “Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah s.w.t. akan menghapus kesalahan-kesalahannya.”

(Hadith riwayat al-Bukhari, no.5641, Muslim, no. 2573, al-Tirmizi, no. 966, Ahmad, no.7684, 8070, 10714)

Pentafsiran Mengenai Rasulullah S.A.W.

Pentafsiran mengenai Nabi Muhammad s.a.w. disentuh dalam kitab *al-Maktubat* dalam *Rasail al-Nur*. Kitab ini terbahagi kepada 33 risalah kecil. Perihal pentafsiran tentang para Nabi terletak dalam risalah ke-19 iaitu *Risalah al-Mu'jizah al-Ahmadiyyah* dan *Risalah al-Ayah al-Kubra*. Dalam *Risalah al-Mu'jizah al-Ahmadiyyah*, Sa'id Nursi menghuraikan tentang perutusan dan mukjizat Rasulullah s.a.w. Beliau menyatakan bahawa semua sifat keindahan para Nabi terhimpun dalam diri baginda. Pada permulaan risalah ini, Sa'id Nursi menjelaskan bahawa kaedah mengenal Tuhan ialah menerusi keterangan al-Quran dan ajaran (Sunnah) Rasulullah s.a.w. (Sa'id Nursi, 2016b).

Dalam kitab *al-Lama'at*, terdapat beberapa tajuk atau risalah yang turut menyentuh berkenaan para Nabi dan Sunnah. Dalam mengungkapkan pengajaran kisah Nabi Yunus a.s. dan Nabi Ayyub a.s., Sa'id Nursi mengemukakan dalil ayat:

Maksudnya: “Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri.”

(Surah al-Anbiya', ayat 87)

Firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: “Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya Dengan berkata: Sesungguhnya aku ditimpa penyakit sedang Engkau lah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani.”

(Surah al-Anbiya', ayat 83)

Said Nursi mentafsirkan ayat ini mengandungi mesej munajat kepada Tuhan dan perantara keselamatan Nabi Yunus a.s. dan Nabi Ayyub a.s. Baginda berdua memiliki keyakinan yang mutlak (*'ain al-yaqin*) bahawa hakikat perlindungan dan penentu segala sesuatu akibat hanyalah Allah s.w.t. Kefahaman ini bererti benar-benar mengenal keesaan Tuhan. Beliau mengungkapkan inilah amalan Sunnah para Nabi dalam bentuk bergantung erat kepada Allah s.w.t. (Sa'id Nursi, 2016a).

Pentafsiran Tentang *Manhaj* Sunnah

Dalam *Rasail al-Nur*, terdapat risalah khusus perbincangan Sunnah yang diberi nama “*Manhaj Sunnah*. Sa'id Nursi memulakan dengan menyentuh perbincangan *imamah*. Konsep ini sering dijadikan pegangan Syiah yang mendakwa mereka mendokong kepimpinan Ahl al-Bait yang sebenar. Beliau menyatakan (Sa'id Nursi, 2016c):

Meskipun asalnya persoalan imamah merupakan masalah yang bersifat fiqh furu' (cabang), namun perhatian besar telah diberikan padanya (Syiah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah). Karena itu, seterusnya hal ini (perlu) dimasukkan ke dalam pembahasan keimunan.

Sebelum memanjang perbincangan, Sa'id Nursi mendatangkan beberapa dalil Sunnah mengenai kelebihan Ahl al-Bait. Beliau mengungkapkan terdapat doa kemuliaan untuk Ahl al-Bait ketika tahiyat akhir solat iaitu:

Maksudnya: “Ya Allah! Limpahkanlah rahmat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan rahmat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.”

Amalan Sunnah ini berasal daripada *Selawat Ibrahimiyah* yang diterangkan Rasulullah s.a.w. dalam hadith berikut:

Maksudnya: “Daripada Ka'ab bin 'Ujrah r.a. berkata, sesungguhnya Nabi s.a.w. keluar kepada kami lalu kami pun berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya kami mengetahui cara untuk menyampaikan salam kepadamu. Namun bagaimana cara kami hendak berselawat ke atasmu? Baginda pun berkata: ucapkanlah “Ya Allah! Limpahkanlah rahmat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan rahmat kepada keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Ya Allah berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berkati keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.”

(Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sa'id Nursi juga mengemukakan hadith:

Maksudnya: "Wahai seluruh umat manusia! Sungguh, aku tinggalkan pada kalian, jika kalian berpegang teguh padanya, kalian tidak akan sesat buat selamanya, iaitu Kitab Allah dan keturunanku, ahli keluargaku."

(Riwayat al-Tirmizi no.3786 dan al-Tabrani no.2680. Al-Tirmizi menilai sebagai *hasan gharib*, al-Dhahabi dan Ibn Hajar menilai sebagai *dha'if*)

Setelah mendaratkan hadith, Sa'id Nursi menjelaskan takwilan sumber Sunnah di atas dengan keterangan (Sa'id Nursi, 2016a):

Ahlul bait merupakan sumber Sunnah Nabi yang mulia (Sunnah Saniyyah). Mereka pun menjaganya dan dibebani tugas untuk sepenuhnya untuk memeliharanya. Maka berdasarkan tugas ini, juga telah dijelaskan melalui hakikat hadith tentang kewajiban juga mengikuti Kitab (al-Quran) dan Sunnah. Jesteru, yang dimaksud dengan Ahl al-Bait oleh Rasulullah s.a.w, adalah dari sudut tugas risalah, tidak lain mereka diakui mengikuti sunnah mulia. Oleh itu, siapa pun yang meninggalkan kewajiban mengikuti sunnah mulia, ia tidak termasuk Ahl al-Bait secara hakiki, serta tidak dianggap mencintai Ahl al-Bait dengan cinta hakiki.

Sa'id Nursi menjelaskan perselisihan antara aliran Syiah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah paling ketara dalam isu perantikan khalifah pertama selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. beliau tegas menjelaskan golongan Syiah adalah golongan yang amat melampau dalam hal ini (*Ibid.*):

Jika dikatakan Syiah itu terbagi dua golongan, salah satunya Syiah Kewalian (Syi'ah al-Wilayah) dan Syiah Khilafah (Syi'ah al-Khilafah), maka kita anggap saja golongan kedua ini salah karena mencampur antara kedengkian, kebencian, dan kepentingan politik. Sementara golongan pertama sama sekali tidak mempunyai kepentingan politik, kedengkian atau kebencian. Namun, pada hakikatnya, kalangan Syiah Kewalian telah bergabung dengan Syiah Khilafah, karena sebagian wali dalam tarekat-tarekat Sufi juga menilai Ali adalah yang paling mulia. Mereka membenarkan tuntutan kelompok Syiah Khilafah yang terlibat politik.

Sa'id Nursi menerangkan pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah lebih harmoni dalam memahami teks al-Quran dan hadith. Seterusnya beliau menghubungkan dengan dalil ayat di bawah:

Maksudnya: "Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka iaitu Nabi-nabi, orang-orang Siddiqiin dan orang-orang yang Syahid serta orang-orang yang soleh dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).

(Surah al-Nisa', ayat 69)

Sa'id Nursi mentafsirkan kalimah "*al-nabiyyin*" adalah merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. serta para Nabi yang lain. Kalimah "*al-siddiqin*" pula merujuk kepada Abu Bakar al-Siddiq dan golongan yang benar di kalangan umat yang beriman. Susunan kalimah ini menunjukkan makna tersirat bahawa Abu Bakar al-Siddiq mempunyai kelebihan sebagai khalifah pertama menggantikan Nabi Muhammad s.a.w. Kalimah "*al-shuhada*" merujuk kepada golongan syahid seperti Umar, 'Uthman dan Ali r.a. Ini juga member isyarat mereka adalah *shuhada*' setelah memegang jawatan khalifah. Kalimah "*al-solihin*" pula merujuk kepada golongan yang beramal soleh seperti para Sahabat yang tinggal di sekitar Masjid Nabi s.a.w dan para Sahabat yang menyertai Perang Badar dan Bai'ah al-Ridhwan. Sa'id Nursi menyimpulkan golongan yang dinyatakan dalam ayat ini adalah sebaik-baik ikutan buat umat.

Sa'id Nursi telah memfokuskan ayat 128 dan 129 *Surah al-Taubah* sebagai ayat peranan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pembawa Sunnah. Firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: "Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w.) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Kepadanya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai Arasy yang besar."

(*Surah al-Taubah*, ayat 128 dan 129)

Sa'id Nursi mentafsirkan ayat 128 *Surah al-Taubah* adalah berkaitan pendekatan Sunnah dan ayat 129 *Surah al-Taubah* berkaitan hala tuju Sunnah. Bagi menguatkan pentafsirannya, beliau mendatangkan dalil ayat 31 *Surah Ali 'Imran* dan sebuah hadith seperti berikut:

Maksudnya: "Barangsiapa yang berpegang dengan sunnahku ketika umatku di dalam kerosakan maka baginya ganjaran 100 orang yang syahid".

(hadith no. 207, 118/1, al-Baihaqi, 2018)

Hadith ini menjadi perbincangan hangat di kalangan ulama hadith. Al-Zahabi mengulas bahawa al-Hasan Ibn Qutaibah dalam *sanad* hadith ini adalah lelaki yang tidak *thiqah*. Beliau turut mendatangkan beberapa pendapat ulama' antaranya ialah al-Daraquthni menilai al-Hasan Ibn Qutaibah adalah *matruk al-hadith*, Abu Hatim menilainya sebagai seorang yang *dha'if* dan al-Uqailiy mengatakannya adalah seorang yang banyak melakukan kesalahan (al-Dhahabi, 2009).

Sa'id Nursi turut mendatangkan hadith berikut:

Maksudnya: "Barangsiapa yang menghidupkan sunnahku tatkala kepincangan umatku maka baginya ganjaran 100 orang yang syahid".

Hadith ini juga tidak dijumpai *matan* sedemikian oleh ulama hadith. Kalimah hadith ini mempunyai lafaz yang sama dengan hadith sebelum ini (<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1453->

[irsyad-al-hadith-siri-ke-129-status-hadith-menghidupkan-sunnah-di-akhir-zaman](#), diperolehi pada 10 April 2020).

Sa'id Nursi menyebut sikap beriltizam mengikuti Sunnah yang luhur (*ittiba' al-sunnah al-saniyyah*) adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan kepentingannya. Mengikuti sunnah memiliki nilai tinggi dan terpuji lebih-lebih lagi di zaman berleluasa *bid'ah*. Seterusnya Sa'id Nursi menyatakan amalan mengikuti Sunnah akan mencetuskan ingatan yang benar tulus kepada Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t. (*hudhur ilahi*). Dalam pentafsiran ayat 128 dan 129 *Surah al-Taubah*, Sa'id Nursi ada memberi ingatan keras terhadap golongan yang terbabas daripada Sunnah. Beliau menegaskan (Sa'id Nursi, 2016c):

“Sungguh beruntung orang yang sering mengikuti sunnah luhur dan amat celaka bagi mereka yang tidak menghormati sunnah luhur itu dan kerana itu mereka terjerumus dalam bid'ah (yang dilarang).”

Selepas penegasan ini, beliau mendatangkan hadith:

Maksudnya: “Kebanyakan bid'ah adalah sesat dan setiap yang sesat itu tempatnya di neraka.”

Hadith ini berasal daripada riwayat hadith Imam al-Nasa'i seperti berikut:

Maksudnya: “Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tidak ada yang bisa menyesatkannya. Dan yang disesatkan oleh Allah tidak ada yang bisa memberi petunjuk padanya. Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah Kitabullah dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad shallallahu 'alaihi wa sallam. Sejelek-jelek perkara adalah (perkara agama) yang diada-adakan, setiap (perkara agama) yang diada-adakan itu adalah bid'ah, setiap bid'ah adalah kesesatan dan setiap kesesatan tempatnya di neraka”

(Riwayat al-Nasa'i no. 1578, dishahihkan oleh al-Albani dalam *Shahih wa Dha'if Sunan al-Nasa'i*)

Pentafsiran Dalam Aspek Akhlak

Sa'id Nursi menghubungkan pentafsiran dengan mafhum hadith akhlak Rasulullah s.a.w. Ternyata Sa'id Nursi menyanjung tinggi baginda sesuai dengan perutusan baginda sebagai rujukan akhlak paling utama berbanding individu lain. Ketika mendatangkan pentafsiran ayat:

Maksudnya: “Bahawa sesungguhnya Engkau (Nabi Muhammad s.a.w.) mempunyai akhlak yang amat agung.”

(*Surah al-Qalam*, ayat 4)

beliau mendatangkan mafhum hadith *sahih* riwayat 'Aishah yang menyebut akhlak Rasulullah s.a.w. adalah jelmaan al-Quran. Sa'id Nursi menjelaskan segala ajaran kebaikan al-Quran telah dipraktikkan Rasulullah s.a.w. Baginda merupakan orang pertama yang menerapkan kebaikan dan baginda sendiri telah diciptakan di atas kebaikan secara fitrah. Sa'id Nursi menghubungkan dengan firman Allah s.w.t.:

Maksudnya: “Oleh itu, hendaklah Engkau (Wahai Nabi Muhammad s.a.w.) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepada-Mu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; Sesungguhnya Allah Maha melihat akan apa Yang kamu kerjakan.”

(Surah Hud, ayat 112)

Ayat ini adalah berkenaan dengan sifat berdiri teguh atau istiqamah. Sa'id Nursi mentafsirkan bahawa Rasulullah s.a.w. memiliki sifat ini sehingga terzhahir kebaikan dalam setiap tindakan, perkataan dan keadaan baginda. Dalam penjelasan ini, beliau menyebut semula hadith tentang ganjaran berpegang teguh pada Sunnah ketika berlaku kepincangan umat.

Selepas mendatangkan dalil daripada al-Quran dan Sunnah berkenaan akhlak Rasulullah s.a.w., beliau berpesan agar setia dengan Sunnah (Sa'id Nursi, 2016a):

Kemudian ayat (dari ayat 129 Surah al-Taubah) selanjutnya berbunyi: “Jika mereka berpaling” adalah membawa erti “Wahai manusia dan wahai kaum Muslimin! Ketahuilah, begitu dahsyat perbuatan zalim dan kasar yang kalian lakukan itu! Sungguh jahil dan dungu apabila kalian berpaling dari sunnah, berpaling dari hukum- hukum yang telah disampaikan oleh sosok yang amat belas kasih dan menyayangi kalian itu. Dialah sosok (Rasulullah s.a.w.) yang menuntun kalian dengan penuh kasih sayang tak yang tidak terhingga terhingga, rela mencurahkan segenap tenaga dan kekuatan demi kebaikan kalian...”

PENUTUP

Rasail al-Nur mengandungi dalil ayat al-Quran sebagai landasan perbincangan. Sa'id Nursi telah mentafsirkan ayat dengan dihubungkan dengan Sunnah bagi mewujudkan fakta perbincangan. Dalam menampilkan dalil Sunnah, beliau lebih banyak mengemukakan mafhum hadith berbanding matan hadith yang lengkap. Penulis menilai Sa'id Nursi ingin menumpukan perbincangan daripada pemikirannya hasil daripada acuan al-Quran dan Sunnah.

Kajian ini mendapati *Rasail al-Nur* dihasilkan berasaskan pemikiran Sa'id Nursi yang menghubungkan nas al-Quran dan sumber Sunnah. Hubungan dengan Sunnah telah dianalisis dalam empat aspek berikut:

- i. Pentafsiran dalam aspek penderitaan: Pentafsiran terhadap ayat dalil penderitaan sebagai ujian dihubungkan dengan hadith ganjaran menjadi mukmin yang bersabar dengan ujian.
- ii. Pentafsiran mengenai Rasulullah s.a.w.: Pentafsiran ayat tentang perutusan Rasulullah s.a.w. dihubungkan dengan kefahaman Sunnah. Perutusan baginda diterangkan sebagai utusan yang membawa syariat yang wajib diikuti umat. Di samping itu, amalan sunnah Nabi terdahulu; tawakkal dan munajat Nabi Yunus a.s. dan Nabi Ayyub a.s. turut difokuskan dalam pentafsiran.

- iii. Pentafsiran *manhaj* Sunnah: Pentafsiran ayat mengkehendaki memahami makna Sunnah dan menjauhi *bid'ah*. Nas-nas al-Quran dijalinan dengan hadith *sahih* berkenaan amaran melakukan *bid'ah*.
- iv. Pentafsiran dalam aspek akhlak: Pentafsiran dihubungkan dengan mafhum nas Sunnah berkaitan akhlak Rasulullah s.a.w. Pentafsiran menegaskan bahawa tiada kebaikan sejati melainkan daripada tauladan baginda.

Sa'id Nursi merupakan tokoh ilmuan Turki yang terbukti mempunyai wadah pentafsiran al-Quran yang erat dengan kefahaman Sunnah. Namun sandaran terhadap teks hadith agar kurang dan beliau ada menyandarkan kepada hadith yang menjadi kontroversi di kalangan ahli hadith. Meskipun demikian, pentafsirannya masih boleh dijadikan wadah peringatan iman dan bahan ilmu. Ketokohan Sa'id Nursi dalam *Rasail al-Nur* bertitik tolak daripada pengalaman ilmu dan semangat juangnya yang tinggi dalam menyampaikan mesej dakwah kepada umat Islam.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Al-Dhahabi, Shams Al-Din Muhammad Bin Ahmad. (2009). "Mizan Al-I'tidal Fi Naqdi Al-Rijal." Beirut: Al-Risalah Al-'Alamiyyah
- Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad Bin Al-Husain. (2018). "Al-Zuhd Al-Kabir." Misr: Maktabah Dar Al-Hijaz.
- Al-Salihi, Ihsan Qasim. (2010). "Nazrah 'Ammah An Hayat Badi' Al-Zaman Sa'id Nursi." Kaherah: Syarikat Sozler.
- Ah. Fawaid. (2015). "Paradigma Sufistik Tafsir Al-Qur'an Bediuzzaman Said Nursi Dan Fethullah Gulen". Indonesia: Jurnal Pengkajian Al-Qur'an Dan Budaya (SUHUF).
- Ali Bakkal. (2017). "Sunnah According To Bediuzzaman Said Nursi." Katre: Uluslararasi Insan Arastirmalari Dergisi.
- Baiquni, A. (2018). "Kontribusi Ilmu Gharīb Al-Hadis Dalam Memahami Hadis." Aceh: Jurnal Ilmu Hadis (AL-BUKHARI).
- Bashir Ahmad Lone. (2017). "The Relevance Of Shaykh Bediuzzaman Said Nursi's Unique Approach To Holy Quran." India: The Literary Herald An International Refereed English E-Journal.
- Celal Akar & Mohd Saiful Amri Bin Zainal Abidin. (2013). "Gaya Hidup Nabawi: Prinsip-Prinsip Nabawi Yang Diamalkan Imam Said Nursi Dalam Pemakanan." Journal Of Chemical Information And Modeling. USIM: Jurnal Abqari.
- Fauzan Saleh. (2015). "Is Prophethood Superfluous?: Conflicting Outlook On The Necessity Of Prophethood Between Bediuzzaman Said Nursi And Some Muslim Philosophers." Yogyakarta: Journal Of Islamic Studies (Al-JAMI'AH).
- Hanim, W. R. (2015). "Sketsa Pemikiran Bediuzzaman Said Nursi Dalam Metode Da'wah Bi Al-

Kitabah: Analisis Kitab Risalah Al-Nur." Proceedings Of ICIC2015: International Conference On Empowering Islamic Civilization In The 21st Century.

Irsyad Al-Hadith Siri Ke-129: "Status Hadith Menghidupkan Sunnah Di Akhir Zaman, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1453-irsyad-al-hadith-siri-ke-129-status-hadith-menghidupkan-sunnah-di-akhir-zaman>

Jannah, M. (2019). "Runtuhnya Khilafah Turki Utsmani 3 Maret 1924." Journal Of History (MASA).

Muhammad Faiz. (2017). "Risalah Nur Dan Gerakan Tarekat Di Turki: Peranan Said Nursi Pada Awal Pemerintahan Republik." Faculty Of Ushuluddin And Dakwah, IAIN Surakarta: Jurnal Pemikiran Islam Dan Filsafat (Al-A'RAF).

Mohamad Zaidin Mat. (2001). "Bediuzzaman Said Nursi Sejarah Perjuangan Dan Pemikiran." Selangor: Malita Jaya.

Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad. (2003). "Badiuzzaman Said Nursi Sejarah Perjuangan Dan Pemikiran." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muaz Hj. Mohd Noor. (2017). "Pemikiran Metafizik Badiuzzaman Said Nursi: Hakikat Dan Hikmah Kenabian Berdasarkan Kitab Rasail An-Nur." USIM: Jurnal Ma'alim Al-Qur'an Wa Al-Sunnah.

Muhammad Rifaat Razman & Salasiah Hanin Hamjah. (2015). "Dakwah Dalam Dimensi Kerohanian Penjagaan Paliatif Menurut Pendekatan Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursi." UKM: Jurnal Al-Hikmah.

Muhd Najib Abdul Kadir, Mashitah Ismail, & Siti Mursyidah Mohd Zain. (2015). "Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir." Bangi: UKM Press.

Nasir, M. I., & Firdaus, M. G. (2018). "Metodologi Penafsiran Said Nursi Dalam Isyaratu Al-I'jaz Fi Mazann Al-I'jaz." Sulawesi Selatan: Jurnal Diskursus Islam, UIN Alauddin.

Parid Ridwanuddin. (2017). "Ekoteologi Dalam Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi." IAIN Samarinda: Jurnal Ilmu Dakwah Dan Komunikasi (LENTERA),

Said Nursi, Badi' Al-Zaman. (2011). "Al-Kalimat." Kaherah: Dar Al-Nayl Li Al-Tiba'ah Wa Al-Nashr.

Said Nursi, Imam Badi'uzzaman. (2016a). "Lamaat." Jakarta: Altinbasak.

Said Nursi, Imam Badi'uzzaman. (2016b). "Lima Risalah." Bandar Baru Bangi: Pemikiran Nur.

Said Nursi, Imam Badi'uzzaman. (2016c). "Mektubat Mecmuasi." Isparta: Hayrat Neşriyat.

Sukran Vahide. (1992). "Badiuzzaman Said Nursi." Istanbul: Sozler Publications.

Sukran Vahide. (2007). "Biografi Intelektual Badiuzzaman Said Nursi." Jakarta: Anatolia.

Sulaiman Nordin. (2010). "Sejarah Pemikiran." Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Syauqi, M. L. (2018). "Mengenal Risalah Nur Karya Said Nursi Dan Metodologi Penafsirannya." IAIN Purwokerto Jawa Tengah: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir (MAGHZA).

Urkhan Muhammad Ali. (1995). "Sa'id Nursi Rajul Al-Qadr Fi Hayat Ummah." Istanbul: Sharikah Al-Nashr Li Tiba'ah.

- Wan Jaffree Wan Sulaiman. (1987). "Mujaddid Islam Shayk Bediuzzaman Said Nursi." Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Wan Jaffree Wan Sulaiman. (2015). "Mujaddid Islam Bediuzzaman Said Nursi." Ankara: Iklas Nur Nesriyat.